Terma dan Syarat Kempen Jom Bayar & MAEnang 2026 (Pindaan berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2026)

Kempen Jom Bayar & MAEnang 2026 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) **("Maybank")** dan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat dalam dokumen ini (**"Terma dan Syarat"**). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2 di bawah) dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. **Tempoh Kempen**
   a) Kempen ini akan bermula dari 1 Jun 2026 jam 12:00:00 pagi (MYT) hingga 31 Disember 2026 jam 11:59:59 malam (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] ("**Tempoh Kempen**").
   b) Tempoh Kempen dibahagikan kepada 7 Bulan Kempen:

Bulan Kempen	Tarikh
Jun	1 Jun 2026 – 30 Jun 2026
Julai	1 Julai 2026 – 31 Julai 2026
Ogos	1 Ogos 2026 – 31 Ogos 2026
September	1 September 2026 – 30 September 2026
Oktober	1 Oktober 2026 – 31 Oktober 2026
November	1 November 2026 – 30 November 2026
Disember	1 Disember 2026 – 31 Disember 2026

2. **Kelayakan**
   a) Kempen ini terbuka kepada individu yang melakukan mana-mana urus niaga berikut dalam Tempoh Kempen:
      - Urus Niaga Perbankan Dalam Talian Maybank2u, juga dikenali sebagai FPX (Bursa Pemprosesan Kewangan) atau urus niaga Perbankan Dalam Talian/Dompet DuitNow, dengan memilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran mereka.
      - Urus Niaga Pembayaran Bil melalui 'Bayar Bil' ('Pay Bills') di laman web Maybank2u dan aplikasi MAE, pembayaran hendaklah dibuat daripada Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Maybank/Maybank Islamic, Kad Kredit dan MAE Wallet.
      - Urus Niaga Tambah Nilai Prabayar melalui 'Tambah Nilai' ('Reload') di laman web Maybank2u dan aplikasi MAE, pembayaran hendaklah dibuat daripada Akaun

Semasa dan/atau Akaun Simpanan Maybank/Maybank Islamic, Kad Kredit dan MAE Wallet.

b) Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("**Individu Bawah Umur**") mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga mereka yang sah untuk menyertai Kempen ini. Dengan memilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran, Individu Bawah Umur mengakui bahawa mereka telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaga mereka yang sah. Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai ke atas ibu bapa dan/atau penjaga mereka yang sah sebagai ganti keterpakaiannya ke atas Individu Bawah Umur.

c) Semua pelanggan individu yang memenuhi kriteria ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

d) Pelanggan yang Layak akan dimasukkan secara automatik ke dalam Kempen ini untuk Kempen Bulan Jun. Bagi Bulan Kempen dari Julai hingga Disember, Pelanggan yang Layak perlu memilih untuk ikut serta dengan mengklik 'Sertai Sekarang' ('Join Now') untuk Ketik, Jejak, Menang melalui aplikasi MAE bagi menyertai dan melayakkan diri untuk Kempen ini.

e) Pekerja tetap dan/atau kontrak Maybank TIDAK layak menyertai Kempen ini.

3. Mekanisme Kempen

a) Pelanggan yang Layak mesti menyempurnakan mana-mana SATU (1) Kategori Urus Niaga yang disenaraikan di bawah dalam Bulan Kempen yang sama untuk berpeluang memenangi Pek Baucar bernilai RM80 ("**Pek Baucar**"), seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Syarat Kempen untuk memenangi Pek Baucar

Kategori Urus Niaga	Bilangan Urus Niaga Layak	Amaun Kelayakan bagi Setiap Urus Niaga	Pemilihan Pemenang
Melaksanakan urus niaga Perbankan Dalam Talian Maybank2u (FPX) menerusi mana-mana platform/peniaga dalam talian.	3	RM20	2,000 pemenang bagi setiap Bulan Kempen

Melaksanakan urus niaga Pembayaran Bil melalui 'Bayar Bil' (tidak termasuk JomPAY) menerusi aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.	3	RM20	2,000 pemenang bagi setiap Bulan Kempen
Melaksanakan urus niaga Tambah Nilai Prabayar melalui 'Tambah Nilai' menerusi aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.	2	RM20	2,000 pemenang bagi setiap Bulan Kempen

b) Kempen ini juga menawarkan beberapa promosi diskaun yang disediakan oleh pelbagai peniaga yang mengambil bahagian ("**Peniaga**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah ("**Promosi Diskaun**"). Untuk melayakkan diri bagi Promosi Diskaun tersebut, Pelanggan yang Layak mestilah, dalam tempoh berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah ("**Tempoh Jualan**"), memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam Jadual 2, mengekalkan akaun pengguna berdaftar yang sah dan aktif pada platform Peniaga yang berkaitan, serta berjaya menyempurnakan pembayaran bagi urus niaga dengan pihak berkenaan yang mengambil bahagian melalui urus niaga Perbankan Dalam Talian Maybank2u.

Jadual 2: Syarat Kempen untuk memenangi Promosi Diskaun

Semua Promosi Diskaun yang disenaraikan di bawah terpakai atas dasar 'yang cepat didahulukan' dan tertakluk kepada bilangan baucar yang dihadkan bagi setiap Peniaga semasa Tempoh Jualan.

Peniaga	Promosi Diskaun	Pelaksanaan Promosi	Perbelanjaan Kelayakan	Tempoh Jualan
Shopee	1. Diskaun RM5 2. Diskaun RM50	Diskaun akan diberikan secara automatik pada laman pembayaran apabila pelanggan membuat pembayaran melalui Perbankan Dalam Talian Maybank2u (FPX). Ketersediaan baucar tertakluk	1. Perbelanjaan minimum sebanyak RM30 2. Perbelanjaan	6 November 2026 hingga 11 November 2026
TikTok Shop				7 Disember 2026 hingga 12 Disember 2026

Terma dan Syarat Kempen Jom Bayar & MAEnang 2026 (Pindaan berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2026)

---

		kepada had penebusan di bawah sepanjang Tempoh Jualan: - Shopee: Terhad kepada 44,600 penebusan - TikTok Shop: Terhad kepada 36,400 penebusan	minimum sebanyak RM300	

c) Sejumlah enam ribu (6,000) pemenang akan dipilih secara rawak untuk memenangi Pek Baucar pada setiap Bulan Kempen, dan pemilihan dijalankan secara berasingan bagi setiap Kategori Urus Niaga. Dua ribu (2,000) pemenang akan diperuntukkan bagi urus niaga Perbankan Dalam Talian Maybank2u (FPX), dua ribu (2,000) pemenang bagi urus niaga Pembayaran Bil, dan dua ribu (2,000) pemenang bagi urus niaga Tambah Nilai Prabayar.

d) Setiap Pelanggan yang Layak berhak memenangi maksimum satu (1) Pek Baucar bagi setiap Bulan Kempen, tanpa mengira bilangan Kategori Urus Niaga yang disempurnakan.

e) Pelanggan yang Layak yang telah menyempurnakan lebih daripada satu (1) Kategori Urus Niaga dalam Bulan Kempen yang sama layak untuk semua pemilihan pemenang berdasarkan kategori yang berkenaan. Walau bagaimanapun, jika Pelanggan yang Layak dipilih sebagai pemenang dalam lebih daripada satu (1) Kategori Urus Niaga, Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima satu (1) Pek Baucar, dan kategori yang dimenangi akan ditentukan berdasarkan Kategori Urus Niaga dengan cap masa penyempurnaan yang layak yang paling awal, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Senario Kemenangan untuk Pek Baucar

	Senario	**Kelayakan untuk Pek Baucar**
1	Pelanggan melaksanakan: ▪ Tiga (3) urus niaga **Perbankan Dalam Talian Maybank2u** dengan amaun minimum sebanyak RM20 pada 10 Oktober 2026	Pelanggan berhak mendapat: ▪ Satu (1) penyertaan dalam pemilihan pemenang **Perbankan Dalam Talian Maybank2u** bagi bulan Oktober untuk berpeluang memenangi satu (1) Pek

Terma dan Syarat Kempen Jom Bayar & MAEnang 2026 (Pindaan berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2026)

	▪ Dua (2) urus niaga **Tambah Nilai Prabayar** dengan amaun minimum sebanyak RM20 pada 30 Oktober 2026	Baucar ▪ Satu (1) penyertaan dalam pemilihan pemenang **Tambah Nilai Prabayar** bagi bulan Oktober untuk berpeluang memenangi satu (1) Pek Baucar Jika Pelanggan dipilih sebagai pemenang dalam pemilihan **Perbankan Dalam Talian Maybank2u** dan juga **Tambah Nilai Prabayar**, hanya satu (1) Pek Baucar akan diberikan, berdasarkan cap masa penyempurnaan yang layak yang paling awal (FPX: 10 Oktober 2026; Tambah Nilai Prabayar: 30 Oktober 2026), dengan **Perbankan Dalam Talian Maybank2u** sebagai kategori yang dimenangi.
2	Pelanggan melaksanakan: ▪ Tiga (3) urus niaga Pembayaran Bil dengan amaun minimum sebanyak RM20 pada bulan **Oktober** ▪ Tiga (3) urus niaga Pembayaran Bil dengan amaun minimum sebanyak RM20 pada bulan **November**	Pelanggan berhak mendapat: ▪ Satu (1) penyertaan dalam pemilihan pemenang Pembayaran Bil bagi bulan **Oktober** untuk berpeluang memenangi satu (1) Pek Baucar ▪ Satu (1) penyertaan dalam pemilihan pemenang Pembayaran Bil bagi bulan **November** untuk berpeluang memenangi satu (1) Pek Baucar Jika Pelanggan dipilih sebagai pemenang bagi kedua-dua bulan, Pelanggan akan menerima sebanyak dua (2) Pek Baucar.

f) Pek Baucar mengandungi baucar digital daripada jenama berikut yang mengambil bahagian, dengan nilai diskaun masing-masing seperti yang dinyatakan di bawah:
- Sooka - langganan pelan Sukan & Hiburan selama 2 minggu
- Pizza Hut - RM0.88 untuk 1 Piza Bersaiz Sederhana dengan pembelian minimum 1 Piza Bersaiz Sederhana (bernilai RM35.99)
- Pizza Hut - RM8.99 untuk 1 set hidangan peribadi (bernilai RM26.57)

- Pizza Hut - percuma 2x hidangan sampingan dengan pembelian minimum sebanyak RM10 (bernilai RM11.98)
- Pizza Hut - diskaun RM10 untuk Piza Bersaiz Sederhana & Besar dengan pembelian minimum sebanyak RM10
- Shopee - diskaun RM5 tanpa perbelanjaan minimum
- Shopee VIP - langganan percubaan percuma selama 2 bulan (bernilai RM14)
- ZUS COFFEE - diskaun RM2 tanpa perbelanjaan minimum
- Watsons - diskaun RM5 tanpa perbelanjaan minimum
- Caltex - diskaun RM5 tanpa perbelanjaan minimum

g) Pek Baucar ialah pakej gabung padan baucar digital yang dipilih daripada senarai di atas, dengan nilai keseluruhan RM80 atau lebih.

h) Maybank berhak, mengikut budi bicaranya, menentukan dan mengubah kandungan Pek Baucar, termasuk jenama yang mengambil bahagian, denominasi baucar dan gabungan baucar. Kandungan Pek Baucar mungkin berbeza dari bulan ke bulan tanpa notis terdahulu.

i) Setiap e-baucar tertakluk kepada terma dan syarat peniaga/jenama masing-masing yang mengambil bahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada mekanisme penebusan, sekatan penggunaan dan tempoh sah. Terma dan syarat sedemikian hendaklah diberikan kepada Pelanggan yang Layak selepas pengeluaran atau penebusan Pek Baucar.

j) Semua baucar sah digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada baucar masing-masing. Jika baucar masih tidak digunakan selepas tarikh sah yang dinyatakan dalam terma & syarat baucar, Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas lanjutan tempoh sah atau penggantian baucar dan tidak akan memulangkan atau membayar balik apa-apa wang untuk bahagian yang tidak digunakan jika pemenang tidak menggunakan sepenuhnya baucar tersebut.

k) Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pertikaian yang berkaitan dengan penggunaan, penebusan atau kesahan e-baucar, yang akan dikawal oleh setiap jenama yang mengambil bahagian. Sekiranya berlaku pertikaian berkaitan baucar, Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan terus dengan syarikat di bawah:

Nama Syarikat	No. Pendaftaran Syarikat
MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd (Sooka)	199201008561 (240064-A)
QSR Brands (M) Holdings Bhd (Pizza Hut)	201101011105 (939235-W)
Shopee Mobile Malaysia Sdn. Bhd.	201501009497 (1134832-W)
Zuspresso (M) Sdn Bhd (ZUS COFFEE)	201901031000 (1340330-X)

Watson's Personal Care Stores Sdn. Bhd.	199401004213 (289892-V)
Chevron Malaysia Limited (Caltex)	195902000060 (0992309-U)

4. Pemberian Hadiah

a) Maybank berhak menukar atau menggantikan Pek Baucar dengan apa-apa item lain mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu menurut Fasal 6(b).

b) Pelanggan yang Layak yang telah melaksanakan urus niaga yang layak yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 ("**Urus Niaga yang Layak**") akan disenarai pendek sebagai **"Pemenang"**. Hadiah akan diberikan mengikut jadual di bawah.

Jadual 4: Jadual Pemberian

Hadiah	Pemberian Hadiah
Pek Baucar	Bulan Kempen (Jun): Sebelum 31 Julai 2026 Bulan Kempen (Julai): Sebelum 31 Ogos 2026 Bulan Kempen (Ogos): Sebelum 30 September 2026 Bulan Kempen (September): Sebelum 31 Oktober 2026 Bulan Kempen (Oktober): Sebelum 30 November 2026 Bulan Kempen (November): Sebelum 31 Disember 2026 Bulan Kempen (Disember): Sebelum 31 Januari 2027
Promosi Diskaun (Shopee/TikTok Shop)	Diskaun serta-merta diberikan semasa pembayaran.

c) Sekiranya Pemenang yang terpilih gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak membatalkan kelayakan Pemenang tersebut untuk menerima Hadiah.

d) Pemenang akan dimaklumkan melalui pemberitahuan automatik daripada aplikasi MAE dan Pek Baucar akan diberikan melalui kod e-baucar yang dihantar terus ke alamat e-mel Pemenang yang sah dan aktif yang berdaftar dengan Maybank. Hanya Pelanggan yang Layak dengan alamat e-mel yang sah dan berdaftar dengan Maybank layak untuk pemilihan pemenang Pek Baucar.

e) Pelanggan yang Layak hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan butiran hubungan mereka seperti alamat e-mel, butiran hubungan dan alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan Maybank. Kegagalan

berbuat demikian boleh menyebabkan pembatalan kelayakan daripada Kempen, dan Maybank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas apa-apa kerugian, termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan, yang timbul daripada kegagalan Pelanggan yang Layak untuk mengemas kini butiran hubungan mereka dalam rekod Maybank.

f) Maybank berhak meminta dokumentasi lanjut atau bukti pengenalan, umur, dan tempat kediaman Pemenang.

g) Maybank tidak akan meminta apa-apa butiran perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit dan Kod Kebenaran Urus Niaga (TAC) bank, kata laluan akaun, PIN atau kata laluan satu kali (OTP) daripada Pemenang untuk menuntut Hadiah atau atas apa jua sebab sekalipun.

h) Selepas berlakunya apa-apa kejadian yang dinyatakan dalam Fasal 6(h), Maybank berhak membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak atau Pemenang terpilih dalam Kempen ini dan/atau menarik balik Hadiah.

Walau apa pun perkara di atas, Maybank berhak menolak mana-mana penyertaan atau Pemenang mengikut budi bicaranya.

i) Maybank TIDAK akan menyediakan apa-apa penggantian atau penukaran Hadiah jika Pemenang menolak Hadiah dan/atau menghantar dan/atau meminta pilihan alternatif.

j) Hadiah yang diberikan kepada Pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau jenis lain, sama ada secara sebahagian atau keseluruhan.

5. <u>Pelaksanaan Promosi Diskaun</u>

a) Semasa Tempoh Kempen, Peniaga yang dinyatakan dalam Jadual 2 berhak melaksanakan tawaran promosi tambahan dengan menyediakan Promosi Diskaun bagi Pelanggan yang Layak yang melaksanakan Urus Niaga yang Layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh setiap Peniaga.

b) Promosi Diskaun tertakluk selanjutnya kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh setiap Peniaga. Terma dan syarat ini mungkin berubah mengikut budi bicara Peniaga. Bagi mengelakkan keraguan, Maybank tidak bertanggungan atau bertanggungjawab ke atas terma dan syarat mana-mana Peniaga. Sekiranya timbul apa-apa pertikaian berkaitan dengan Promosi Diskaun, Pelanggan yang Layak hendaklah menyelesaikan isu tersebut secara terus dengan Peniaga.

c) Maybank berhak mengubah atau menggantikan mana-mana atau semua Promosi Diskaun yang disenaraikan mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu menurut Fasal 6(b).

d) Promosi Diskaun sah digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada bahan promosi Peniaga masing-masing. Jika Promosi Diskaun tidak digunakan sepenuhnya sebelum tamat tempoh sah, Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan

tempoh sah, menggantikan Promosi Diskaun, atau membayar balik apa-apa amaun berhubung dengan bahagian Promosi Diskaun yang tidak digunakan.

e) Promosi Diskaun tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa-apa bentuk pembayaran lain, sama ada secara sebahagian atau keseluruhan.

6. <u>Terma dan Syarat Umum</u>

a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

e) Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

i) tujuan Kempen; dan

ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam

internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

f) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau pengabaian oleh Maybank.

g) Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

h) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

i) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.